

Disediakan untuk: _____ Tarikh Cetakan: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans "Driver Smart Shield". Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")
Nama Produk : Driver Smart Shield

1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan perlindungan bagi kematian dan hilang upaya kekal kepada penumpang di dalam kenderaan yang dinamakan.

2. Apakah perlindungan/faedah-faedah yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- (a) Kematian/Hilang Upaya Kekal
- (b) Perbelanjaan Perubatan
- (c) Perbelanjaan Pengebumian
- (d) Pembedahan Gigi dan/atau Pembaikan Pembedahan Kosmetik
- (e) Faedah Pendapatan Hospital
- (f) Perbelanjaan Repatriasi
- (g) Bonus Pembaharuan (hanya untuk pemandu kenderaan dinamakan)

Faedah	Jumlah Pokok (RM)				
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
Kematian	10,000	20,000	30,000	40,000	50,000
Hilang Upaya Kekal (sehingga)	10,000	20,000	30,000	40,000	50,000
Perbelanjaan Perubatan (sehingga)	500	1,000	1,500	2,000	2,500
Perbelanjaan Pengebumian	500	1,000	1,500	2,000	2,500
Pembedahan Gigi dan/atau Pembaikan Pembedahan Kosmetik (sehingga)	500	1,000	1,500	2,000	2,500
Faedah Pendapatan Hospital (sehari, sehingga 180 hari)	50	50	50	50	50
Perbelanjaan Repatriasi (sehingga)	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
Bonus Pembaharuan (hanya untuk pemandu kenderaan dinamakan)	10% setahun (sehingga maksimum 50%)	10% setahun (sehingga maksimum 50%)	10% setahun (sehingga maksimum 50%)	10% setahun (sehingga maksimum 50%)	10% setahun (sehingga maksimum 50%)

Nota: Sila rujuk kepada ciri dan faedah penuh dan skala faedah-faedah di dalam kontrak polisi.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar ?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah bergantung kepada kapasiti tempat duduk kenderaan berkenaan dan pelan yang dibeli.

Kapasiti Tempat Duduk (Termasuk Pemandu)	Premium Tahunan (RM)				
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
1	37.74	66.04	89.62	117.92	141.51
2 - 5	165.09	273.58	349.06	490.57	599.06
6 -10	330.19	547.17	702.83	981.13	1,198.11
11 - 18	594.34	985.85	1,268.87	1,764.15	2,155.66
19 -27	891.51	1,481.13	1,900.94	2,650.94	3,231.13
28 -36	1,188.68	1,976.42	2,537.74	3,533.02	4,311.32

37 - 45	1,485.85	2,471.70	3,174.53	4,415.09	5,391.51
46 -55	1,816.04	3,018.87	3,877.36	5,400.94	6,589.62

4. **Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?**

Jenis	Jumlah
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	10% daripada premium
Duti Setem	RM10
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium

5. **Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

(a) Kepentingan pendedahan

• **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

• **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- (b) Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- (c) Kelayakan – Orang Yang Diinsuranskan yang berumur lapan belas (18) tahun dan keatas.
- (d) Pemegang Policy hendaklah memberikan notis serta-merta kepada Syarikat tentang apa-apa perubahan ke atas nama, alamat, perniagaan atau pekerjaan.
- (e) Polisi ini akan luput/tamat pada waktu tengah malam (waktu piawai Malaysia) hari terakhir Tempoh Insurans.
- (f) Had Wilayah bagi faedah ini adalah berada dalam Malaysia, Singapura, Brunei dan Thailand sahaja.

6. **Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

- (a) Kerugian yang disebabkan oleh peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau kegiatan- kegiatan seperti peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), dahagi, perang saudara, revolusi, kebangkitan, konspirasi, ketenteraan atau perebutan kuasa, undang-undang tentera atau pengempungan tentera, atau mana-mana kejadian atau punca yang menentukan pengisytiharan atau penyelenggaraan atau kecemasan tentera atau keadaan perang, rampasan, kuarantin atau atau peraturan-peraturan kastam atau nasionalisasi oleh atau atas perintah mana-mana kerajaan atau penguasa awam atau tempatan, senjata atau instrumen menggunakan fisi atom atau kuasa radioaktif, sama ada dalam masa aman atau perang;
- (b) Kecederaan sedia ada, penyakit, keadaan, gejala-gejala atau kurang upaya;
- (c) Perbuatan membunuh diri atau percubaan untuk melakukannya (siuman atau tidak siuman);

- (d) Tidak memegang lesen memandu yang sah untuk memandu Kenderaan Dinamakan itu atau tidak layak untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu yang sah di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Raya Malaysia atau Mahkamah Undang-undang. Semua manfaat menurut Polisi ini juga tidak terpakai bagi para penumpang dalam Kenderaan Yang Dinamakan semasa kenderaan itu dipandu oleh Pihak Diinsuranskan. Dengan syarat pengecualian ini tidak terpakai jika Pihak Diinsuranskan mempunyai lesen memandu tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu itu di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Raya Malaysia atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan.
- (e) Kenderaan Yang Dinamakan digunakan untuk menyewa, perlumbaan, rali, pacemaking, ujian kelajuan atau untuk sebarang tujuan berkaitan dengan perdagangan motor;
- (f) Semasa memandu di bawah pengaruh minuman arak atau pengaruh dadah yang memabukkan;
- (g) Melahirkan atau keguguran atau tidak siaman atau penyakit.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat insurans. Pembatalan akan berkuatkuasa pada tarikh notis diterima. Setelah pembatalan, sebarang pulangan bayaran premium adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu ejen berdaftar, cawangan atau khidmat pelanggan kami.

9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat dengan lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai polisi ini, sila rujuk kepada buku 'Insurans Kemalangan Diri' *insuranceinfo*, yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz
Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Allianz Contact Center: 1 300 22 5542
Email: customer.service@allianz.com.my
Facebook: AllianzMalaysia
Instagram: AllianzMalaysia
Website: allianz.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:

Allianz Shield

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN MENGENAI SKALA FAEDAH-FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/04/2020.